

06 JUN 1996

Megat-Dadah

PERDANA MENTERI MINTA BENTERAS KEMASUKKAN DADAH DI SEMPADAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta polis memperketatkan kawalan di kawasan sempadan negara bagi menyekat kemasukkan dadah ke negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob yang membacakan ucapan Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) hari ini berkata, Dr Mahathir meminta pasukan polis menubuhkan satu badan khas bagi menyiasat bagaimana dadah itu boleh dibawa ke negara ini.

"Beliau meminta supaya disiasat siapa mereka dan dari mana dadah itu diperolehi," katanya kepada Bernama selepas menghadiri mesyuarat pertama Majlis itu di pejabatnya di sini, petang ini.

Bulan lepas Jabatan Narkotik telah mengeluarkan kenyataan bahawa kebanyakan dadah yang diperolehi di negara ini diseludup dari negara jiran dan polis sentiasa meningkatkan kawalan di kawasan sempadan untuk mengawasi kemasukannya.

Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri ditubuhkan bertujuan membenteras gejala dadah di negara ini. Ia dianggotai oleh badan-badan yang bertanggungjawab dalam aspek penguatkuasaan, rawatan, pemulihan, pencegahan, penerangan dan pendidikan.

Menurut Megat, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata semua agensi dan Kementerian harus patuh kepada sebarang arahan dan keputusan yang ditetapkan oleh MDK secara kolektif.

Perdana Menteri juga berkata hukuman mati mandatori yang dikenakan kepada pengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya harus diteruskan.

Selain daripada itu Perdana Menteri juga meminta supaya pentadbiran Pusat Serenti di kemaskinikan supaya penagih yang mengidap HIV diasingkan dari penagih yang lain.

Sementara itu Megat berkata, beliau amat terkejut dengan jumlah penagih di Kelantan yang meningkat sebanyak 142 peratus tahun lepas berbanding tahun sebelumnya.

Megat berkata, sebanyak 100,000 penagih dikesan di kawasan-kawasan bandar dan 60 peratus daripadanya terdiri daripada penagih tegar manakala 5,000 penagih dikesan di kawasan Felda dan 2,000 darinya di kesan di kawasan Felda di Negeri Pahang.

Majlis telah menetapkan supaya Agensi Dadah Kebangsaan menyiapkan satu kertas kerja bagi membincangkan masalah dadah di negara ini secara menyeluruh.

Beliau berkata kertas kerja yang mengandungi cadangan, kemudahan dan penyusunan kakitangan dalam usaha membasmi dadah akan dikemukakan kepada semua anggota MDK seminggu sebelum mesyuarat kedua Majlis itu pada 11 Julai depan.

MDK juga akan mengadakan satu program "kumpulan penceramah" yang mana MDK akan menganjurkan kursus pidato yang akan diberikan kepada kalangan kumpulan guru, ulama, anggota tentera, polis dan bekas penagih supaya berkebolehan untuk berpidato apabila dikehendaki oleh mana-mana pihak nanti.

Beliau berkata selain daripada itu majlis juga mencadangkan supaya pelatih pusat serenti diberi kursus khas dibawah kelolaan pasukan polis yang membincangkan aspek undang-undang negara dan juga aspek agama bagi mencegah berlakunya sebarang rusuhan.

Menurutnya majlis akan membincangkan cadangan pindaan undang-undang bagi menghukum kakitangan kerajaan seperti warden penjara, polis, kastam yang mengkhianati tugasnya apabila terbabit dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah dalam mesyuarat akan datang. -- BERNAMA

AZH PR